



KENYATAAN MEDIA

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

**PASUKAN PETUGAS KHAS PELAKSANAAN SYOR JAWATANKUASA
KAJIAN EAIC TERHADAP KES KEMATIAN DALAM TAHANAN DAN
MENGENALPASTI CADANGAN LANGKAH PENCEGAHAN
KEMUKA DRAF MEMORANDUM JEMAAH MENTERI KEPADA
JABATAN PERDANA MENTERI**

UNTUK SIARAN SEGERA
14 JANUARI 2026

Pasukan Petugas Khas bagi Pelaksanaan Syor Jawatankuasa Kajian EAIC Terhadap Kes Kematian Dalam Tahanan dan Mengenal Pasti Cadangan Langkah Pencegahan (Pasukan Petugas Khas) telah mengemukakan draf Memorandum Jemaah Menteri kepada Jabatan Perdana Menteri.

Langkah ini adalah susulan siri tindakan dan penelitian mendalam yang telah dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Khas terhadap syor-syor dalam Laporan Jawatankuasa Kajian EAIC. Laporan tersebut sebelum ini telah dibentangkan kepada YAB Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tata Kelola Nasional (JKKTN) pada 7 Mei 2024 yang kemudiannya memutuskan penubuhan Pasukan Petugas Khas tersebut.

Intipati utama memorandum tersebut adalah seperti berikut:

- (a) 19 ahli Pasukan Petugas Khas yang mewakili 13 Kementerian, Jabatan dan Agensi termasuk EAIC iaitu Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kerja Raya (KKR), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCC), Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan

(CGSO), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah memberikan ulasan serta maklum balas yang komprehensif dan secara dasarnya menyatakan persetujuan terhadap syor yang dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Kajian tersebut;

- (b) permohonan persetujuan Jemaah Menteri bagi pelaksanaan 13 langkah pencegahan yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan oleh semua agensi penguatkuasaan yang terlibat dalam pengendalian tahanan khususnya JIM, JKDM, APMM, AADK dan PDRM bagi menambah baik tatakelola lokap, depot JIM serta pusat tahanan;
- (c) segala syor yang dikemukakan dalam memorandum tersebut akan melibatkan implikasi kewangan serta perundangan yang akan dikaji dan diperhalusi secara berasingan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya secara praktikal; dan
- (d) Laporan Jawatankuasa Kajian tersebut diharap akan membantu Kerajaan dalam menambah baik polisi sedia ada dan turut merumuskan polisi baru yang lebih baik dengan mengenal pasti kelemahan sistem yang menyumbang kepada kematian dalam tahanan serta meningkatkan kerjasama antara agensi dalam menjaga hak asasi manusia.

Penyerahan Draf Memorandum Jemaah Menteri Pelaksanaan Syor Jawatankuasa Kajian EAIC Terhadap Kes Kematian Dalam Tahanan Dan Mengenalpasti Cadangan Langkah Pencegahan ini mencerminkan komitmen berterusan EAIC dan semua agensi terlibat dalam memastikan tadbir urus pusat tahanan di Malaysia ditambah baik secara menyeluruh bagi mencegah sebarang insiden berkaitan kematian dalam tahanan.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**